



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 7

9hb April 2010

TAMBAHAN No. 33
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 103.

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

**KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
(KOMPLEKS PERIKANAN, LABUHAN PERIKANAN DAN JETI
PENDARATAN IKAN) 2010**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KOMPLEKS PERIKANAN DAN LABUHAN PERIKANAN

3. Kompleks perikanan dan labuhan perikanan
4. Sekatan ke atas kemasukan ke dalam kompleks perikanan atau labuhan perikanan

Kaedah

5. Permohonan bagi permit
6. Larangan mendirikan struktur, dsb.
7. Larangan merayau-rayau, memancing, dsb.

BAHAGIAN III

JETI PENDARATAN IKAN

8. Jeti pendaratan ikan
9. Tatacara pengendalian ikan di jeti pendaratan ikan

BAHAGIAN IV

CAJ

10. Caj ke atas kenderaan apabila memasuki kompleks perikanan atau labuhan perikanan
11. Caj bagi penggunaan kemudahan atau ruang kompleks perikanan atau labuhan perikanan
12. Caj perkhidmatan bagi ikan yang diimport, dieksport dan dipindahkan
13. Caj perkhidmatan bagi jeti pendaratan ikan

BAHAGIAN V

AM

14. Sekatan ke atas urusan niaga ikan
15. Pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah
16. Pengecualian
17. Kesalahan am
18. Pembatalan, peralihan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (KOMPLEKS PERIKANAN,
LABUHAN PERIKANAN DAN JETI PENDARATAN IKAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) dan seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan) 2010**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 9 April 2010.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“berurusniaga atau urusaniaga” ertinya membeli, menjual secara borong atau secara lelong atau secara runcit, menawarkan atau mendedahkan atau menyimpan untuk jualan, membungkus atau menyebabkan dibungkus untuk kiriman atau simpanan untuk jualan, mengirim;

“jetidendaratan ikan” ertinya mana-mana jetidendaratan ikan persendirian yang diisytiharkan oleh Lembaga mengikut kaedah 8 dan termasuklah mana-mana jeti, tempat mendarat dan kawasan lain yang bersebelahan dengannya, yang padanya boleh didirikan suatu pasar borong ikan, suatu pasar runcit ikan, suatu dewan lelong, suatu tempat pembaikan atau suatu loji membekal bahan api atau air batu;

“kompleks perikanan” ertinya kompleks perikanan yang diisytiharkan oleh Lembaga mengikut kaedah 3 dan termasuklah mana-mana jeti, tempat mendarat, pusat pemeriksaan ikan dan kawasan lain yang bersebelahan dengannya yang padanya boleh didirikan suatu pasar borong ikan, suatu pasar runcit ikan, suatu dewan lelong, suatu tempat pembaikan atau suatu loji membekal bahan api atau air batu;

“labuhan perikanan” ertinya labuhan perikanan yang diisytiharkan oleh Lembaga mengikut kaedah 3 dan termasuklah mana-mana dermaga, pangkalan, limbungan, jeti, tempat mendarat dan kawasan lain yang bersebelahan dengannya yang padanya boleh didirikan suatu pasar borong ikan, suatu pasar runcit ikan, suatu dewan lelong, suatu kawasan memproses ikan, suatu tempat pembaikan atau suatu loji membekal bahan api atau air batu.

BAHAGIAN II

KOMPLEKS PERIKANAN DAN LABUHAN PERIKANAN

Kompleks perikanan dan labuhan perikanan

3. Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengisytihar mana-mana tempat atau kawasan sebagai kompleks perikanan atau labuhan perikanan bagi maksud Kaedah-Kaedah ini.

Sekatan ke atas kemasukan ke dalam kompleks perikanan atau labuhan perikanan

4. Tiada seorang pun boleh memasuki mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan bagi maksud memuat, memunggah, menyimpan, memungut, memproses atau berurusan dengan apa-apa ikan atau apa-apa jenis urusan lain melainkan orang itu adalah pemegang suatu permit yang dikeluarkan di bawah kaedah 5.

Permohonan bagi permit

5. (1) Tiap-tiap permohonan bagi suatu permit untuk memasuki mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan bagi maksud memuat, memunggah, menyimpan, memungut, memproses atau berurusan dengan apa-apa ikan atau apa-apa jenis urusan lain hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemohon atau apa-apa dokumen pengenalan diri lain yang sah;
- (b) alamat pemohon;
- (c) nama dan alamat perniagaan pemohon, jika ada;
- (d) tujuan permit itu dikehendaki; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah,

Dengan syarat bahawa, Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut dan perlu, mengeluarkan kepada mana-mana orang selain daripada pemegang permit, suatu pas masuk untuk dipamerkan apabila memasuki mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan bagi apa-apa tujuan lain.

(2) Permit yang dikeluarkan di bawah kaedah ini hendaklah mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan, dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah sah bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

(3) Fi yang kena dibayar bagi permit yang dikeluarkan di bawah kaedah ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Larangan mendirikan struktur, dsb.

6. Tiada seorang pun boleh membuat apa-apa perubahan, mendirikan apa-apa struktur atau menempatkan apa-apa galangan pada mana-mana bahagian suatu kompleks perikanan atau labuhan perikanan tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah.

Larangan merayau-rayau, memancing, dsb.

7. Tiada seorang pun boleh—

- (a) merayau-rayau, berenang atau memancing di dalam mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan;
- (b) membaiki atau membuat apa-apa pukut atau alat penangkapan ikan di atas jeti atau di mana-mana tempat lain di dalam suatu kompleks perikanan atau labuhan perikanan; atau
- (c) membekal bahan api, air batu, bekalan, perkhidmatan, atau menjalankan apa-apa perniagaan di dalam mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan,

tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah.

BAHAGIAN III**JETI PENDARATAN IKAN****Jeti pendaratan ikan**

8. (1) Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana jeti pendaratan ikan persendirian hendaklah mendapat kebenaran Lembaga dan Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengisytihar jeti pendaratan ikan persendirian itu sebagai jeti pendaratan ikan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa permohonan bagi mendapatkan kebenaran Lembaga yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dibuat secara bertulis menurut tatacara yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

Tatacara pengendalian ikan di jeti pendaratan ikan

9. (1) Mana-mana jeti pendaratan ikan hendaklah mematuhi apa-apa tatacara pengendalian ikan yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

(2) Mana-mana jeti pendaratan ikan, yang darinya ikan atau keluaran ikan dibekalkan untuk dieksport, hendaklah mematuhi kehendak negara pengimport.

BAHAGIAN IV

CAJ

Caj ke atas kenderaan apabila memasuki kompleks perikanan atau labuhan perikanan

10. Mana-mana orang atau pemegang suatu permit atau suatu pas masuk yang dikeluarkan di bawah kaedah 5 hendaklah membayar suatu caj kenderaan apabila memasuki mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan seperti yang ditetapkan dalam Bahagian I, Jadual Kedua.

Caj bagi penggunaan kemudahan atau ruang kompleks perikanan atau labuhan perikanan

11. Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa kemudahan atau ruang mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan hendaklah membayar suatu jumlah caj seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual Kedua.

Caj perkhidmatan bagi ikan yang diimport, dieksport dan dipindahkan

12. Lembaga boleh mengenakan caj perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Bahagian III, Jadual Kedua ke atas ikan yang—

- (a) diimport atau dibawa dalam transit dari negara lain ke dalam mana-mana kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan;
- (b) dieksport ke negara lain melalui mana-mana kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan; atau
- (c) dipindahkan dari mana-mana kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan melainkan melalui suatu acara lelong yang ditetapkan oleh Lembaga.

Caj perkhidmatan bagi jeti pendaratan ikan

13. Mana-mana orang yang mengendalikan suatu jeti pendaratan ikan boleh menyediakan apa-apa jenis perkhidmatan dan mengenakan caj ke atas perkhidmatan itu dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V

AM

Sekatan ke atas urusan niaga ikan

14. Tiada seorang pun dibenarkan berurusan niaga dengan apa-apa ikan dalam mana-mana kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan melainkan orang itu adalah pemegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan 2010 [P.U. (A) 104].

Pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah

15. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menggunakan mana-mana kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan hendaklah mematuhi semua arahan Ketua Pengarah.

Pengecualian

16. Lembaga boleh mengecualikan mana-mana orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Kesalahan am

17. Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Pembatalan, peralihan dan kecualian

18. (1) Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks dan Labuhan Perikanan) 1986 [*P.U. (A) 79/1986*] dibatalkan (“Kaedah-Kaedah yang dibatalkan”).

(2) Semua lesen, permit, kaedah, peraturan, perintah, notis, borang, arahan, surat pemberikuasaan, perisytiharan dan pengecualian yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan hendaklah, setakat yang lesen, permit, kaedah, peraturan, perintah, notis, borang, arahan, surat pemberikuasaan, perisytiharan dan pengecualian itu selaras dengan Kaedah-Kaedah ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Kaedah-Kaedah ini.

(3) Mana-mana jeti pendaratan ikan persendirian selain yang diisytiharkan oleh Lembaga dalam Perisytiharan Jeti Pendaratan Ikan [*P.U. (B) 172*], yang telah mula beroperasi sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini boleh terus beroperasi dan adalah dikecualikan daripada mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini sehingga suatu tarikh yang hendaklah ditetapkan oleh Lembaga melalui pemberitahuan di dalam *Warta*.

JADUAL PERTAMA

(Kaedah 5)

FI

Perihal

Jumlah fi

Fi bagi permit memasuki mana-mana kompleks perikanan atau labuhan perikanan bagi mana-mana orang yang terlibat dengan pemuatan, pemunggaan, penyimpanan, pemungutan, pemprosesan atau berurusniaga dengan apa-apa ikan atau apa-apa bentuk urusniaga lain.

RM5.00 setahun

JADUAL KEDUA
(Kaedah 10, 11 dan 12)

CAJ

BAHAGIAN I

CAJ KE ATAS KENDERAAN APABILA MEMASUKI KOMPLEKS PERIKANAN ATAU
LABUHAN PERIKANAN

- (a) Caj ke atas kenderaan sekali masuk bagi menggunakan ruang di kompleks perikanan atau labuhan perikanan tidak melebihi lapan jam:

<i>Jenis kenderaan</i>	<i>Caj</i>
(i) Kereta, van, <i>station-wagon</i> , motosikal dengan kereta sisi atau <i>pick-up</i> (tidak melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM1.00
(ii) Lori, bas atau trak (melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM2.00
(iii) Motosikal	RM0.50
(iv) Traktor kontena (dengan atau tanpa treler atau kren mudah alih)	RM10.00

- (b) Caj ke atas kenderaan bagi menggunakan ruang di kompleks perikanan atau labuhan perikanan untuk tujuan bermalam:

<i>Jenis kenderaan</i>	<i>Caj</i>
(i) Kereta, van, <i>station-wagon</i> , motosikal dengan kereta sisi atau <i>pick-up</i> (tidak melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM5.00 satu malam
(ii) Lori, bas atau trak (melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM10.00 satu malam
(iii) Motosikal	RM1.50 satu malam

- (c) Caj ke atas kenderaan untuk satu bulan bagi menggunakan ruang di kompleks perikanan atau labuhan perikanan:

<i>Jenis kenderaan</i>	<i>Caj</i>
(i) Kereta, van, <i>station-wagon</i> , motosikal dengan kereta sisi atau <i>pick-up</i> (tidak melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM15.00
(ii) Lori, bas atau trak (melebihi 1,500 kg berat tanpa muatan)	RM30.00
(iii) Motosikal	RM5.00

BAHAGIAN II

CAJ BAGI PENGGUNAAN KEMUDAHAN ATAU RUANG KOMPLEKS PERIKANAN
ATAU LABUHAN PERIKANAN

<i>Kemudahan/ruang</i>	<i>Caj</i>
(a) Bilik sejuk	melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga

<i>Kemudahan/ruang</i>	<i>Caj</i>										
(b) Dewan pemasaran	RM54.00 bagi satu meter persegi sebulan										
(c) Pejabat Peniaga:											
(i) struktur konkrit	RM22.00 bagi satu meter persegi sebulan										
(ii) struktur kayu	kadar sama rata RM100.00 bagi satu unit sebulan										
(d) Bangsal:											
(i) pemprosesan	melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga										
(ii) pembetulan jaring	<ul style="list-style-type: none"> – sehingga 3 hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM1.00 bagi satu meter persegi sehari – dari 4 hingga 15 hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM3.00 bagi satu meter persegi sehari – dari 16 hingga 30 hari selepas permit dikeluarkan, pada kadar RM5.00 bagi satu meter persegi sehari 										
(iii) penstoran jaring	RM2.00 sehari bagi satu meter persegi selepas permit dikeluarkan										
(e) Kantin	melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga										
(f) Kedai runcit	melalui tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga										
(g) Caj bagi tambatan (termasuk caj bagi penggunaan troli dan <i>slewing jib</i>):											
(i) satu trip	<p>mengikut berat tan kasar vesel seperti yang berikut:</p> <table border="0" style="margin-left: 40px;"> <tr> <td>di bawah 9.9 grt</td> <td>– percuma</td> </tr> <tr> <td>10 grt hingga 39.9 grt</td> <td>– RM3.00</td> </tr> <tr> <td>40 grt hingga 69.9 grt</td> <td>– RM10.00</td> </tr> <tr> <td>70 grt hingga 99.9 grt</td> <td>– RM30.00</td> </tr> <tr> <td>100 grt dan ke atas</td> <td>– RM100.00</td> </tr> </table>	di bawah 9.9 grt	– percuma	10 grt hingga 39.9 grt	– RM3.00	40 grt hingga 69.9 grt	– RM10.00	70 grt hingga 99.9 grt	– RM30.00	100 grt dan ke atas	– RM100.00
di bawah 9.9 grt	– percuma										
10 grt hingga 39.9 grt	– RM3.00										
40 grt hingga 69.9 grt	– RM10.00										
70 grt hingga 99.9 grt	– RM30.00										
100 grt dan ke atas	– RM100.00										
(ii) satu bulan	<p>mengikut berat tan kasar vesel seperti yang berikut:</p> <table border="0" style="margin-left: 40px;"> <tr> <td>di bawah 9.9 grt</td> <td>– RM10.00</td> </tr> <tr> <td>10 grt hingga 39.9 grt</td> <td>– RM60.00</td> </tr> <tr> <td>40 grt hingga 69.9 grt</td> <td>– RM100.00</td> </tr> <tr> <td>70 grt dan ke atas</td> <td>– RM150.00</td> </tr> </table>	di bawah 9.9 grt	– RM10.00	10 grt hingga 39.9 grt	– RM60.00	40 grt hingga 69.9 grt	– RM100.00	70 grt dan ke atas	– RM150.00		
di bawah 9.9 grt	– RM10.00										
10 grt hingga 39.9 grt	– RM60.00										
40 grt hingga 69.9 grt	– RM100.00										
70 grt dan ke atas	– RM150.00										
(h) <i>Fork lift</i>	RM3.00 bagi satu palet										

<i>Kemudahan/ruang</i>	<i>Caj</i>
(i) Penggunaan ruang kompleks perikanan atau labuhan perikanan untuk apa-apa tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual ini	mengikut tender atau perundingan atau sewa tetap yang ditentukan oleh Lembaga
(j) Bekalan air	mengikut kadar yang dikeluarkan oleh Jabatan Bekalan Air
(k) Setor	RM22.00 bagi satu meter persegi sebulan

BAHAGIAN III

CAJ PERKHIDMATAN BAGI IKAN YANG DIIMPORT, DIEKSPORT DAN DIPINDAHKAN

(a) Caj perkhidmatan bagi ikan yang diimport:

<i>Perihalhan</i>	<i>Caj perkhidmatan</i>
(i) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi tidak lebih daripada 50 kg ikan	RM5.00 setiap bekas
(ii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 50 kg tetapi kurang daripada 100 kg ikan	RM10.00 setiap bekas
(iii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 100 kg ikan	dikira pada kadar tidak melebihi RM0.10 setiap kilogram ikan

(b) Caj perkhidmatan bagi ikan yang diekспорт:

<i>Perihalhan</i>	<i>Caj perkhidmatan</i>
(i) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi tidak lebih daripada 50 kg ikan	RM5.00 setiap bekas
(ii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 50 kg tetapi kurang daripada 100 kg ikan	RM10.00 setiap bekas
(iii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 100 kg ikan	dikira pada kadar tidak melebihi RM0.10 setiap kilogram ikan

(c) Caj perkhidmatan bagi ikan yang dipindahkan, melainkan melalui suatu acara lelong:

<i>Perihalhan</i>	<i>Caj perkhidmatan</i>
(i) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi tidak lebih daripada 50 kg ikan	RM0.50 setiap bekas

<i>Perihal</i>	<i>Caj perkhidmatan</i>
(ii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 50 kg tetapi kurang daripada 100 kg ikan	RM1.00 setiap bekas
(iii) Bekas atau apa-apa tempat simpanan lain yang mengandungi lebih daripada 100 kg ikan	dikira pada kadar RM0.10 setiap kilogram ikan

Dibuat 6 April 2010
[KP/LA/483/4 Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Diluluskan 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ACT 1971

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (FISHERIES COMPLEXES,
FISHERIES HARBOURS AND FISHERIES LANDING JETTIES)
RULES 2010

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

FISHERIES COMPLEX AND FISHERIES HARBOUR

3. Fisheries complex and fisheries harbour
4. Restriction on entry into fisheries complex or fisheries harbour
5. Application for permit
6. Prohibition on erecting structures, *etc.*
7. Prohibition on loitering, fishing, *etc.*

PART III

FISHERIES LANDING JETTY

8. Fisheries landing jetty
9. Fish handling procedure at fisheries landing jetty

PART IV

CHARGES

10. Charges on vehicles upon entering fisheries complex or fisheries harbour
11. Charges for use of facilities or spaces of fisheries complex or fisheries harbour

Rule

12. Service charges on fish which are imported, exported and transferred
13. Service charges for fisheries landing jetty

PART V

GENERAL

14. Restriction on dealing of fish
15. Compliance with the directive of Director General
16. Exemption
17. General offences
18. Revocation, transitional and saving

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ACT 1971

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (FISHERIES COMPLEXES, FISHERIES
HARBOURS AND FISHERIES LANDING JETTIES) RULES 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 4(2) and section 23 of the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 [*Act 49*], the Lembaga, with the approval of the Minister, makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Fisheries Complexes, Fisheries Harbours and Fisheries Landing Jetties) Rules 2010**.

(2) These Rules come into operation on 9 April 2010.

Interpretation

2. In these Rules—

“deal or dealing” means to purchase, to sell by wholesale or by auction or by retail, to offer or to expose or to keep for sale, to pack or cause to be packed for consignment or keeping for sale, to consign;

“fisheries landing jetty” means any private fisheries landing jetty as declared by the Lembaga in accordance with rule 8 and includes any jetty, landing place and other areas adjoining to it, on which may be erected a wholesale fish market, a retail fish market, an auction hall, a repair yard or a fuel or ice supply installation;

“fisheries complex” means the fisheries complex as declared by the Lembaga in accordance with rule 3 and includes any jetty, landing place, fisheries inspection centre and other areas adjoining to it on which may be erected a wholesale fish market, a retail fish market, an auction hall, a repair yard or a fuel or ice supply installation;

“fisheries harbour” means the fisheries harbour as declared by the Lembaga in accordance with rule 3 and includes any wharf, pier, dock, jetty, landing place and other areas adjoining to it on which may be erected a wholesale fish market, a retail fish market, an auction hall, a fish processing area, a repair yard or a fuel or ice supply installation.

PART II

FISHERIES COMPLEX AND FISHERIES HARBOUR

Fisheries complex and fisheries harbour

3. The Lembaga may, by notification in the *Gazette* declare any place or area as fisheries complex or fisheries harbour for the purpose of these Rules.

Restriction on entry into fisheries complex or fisheries harbour

4. No person shall enter any fisheries complex or fisheries harbour for the purpose of loading, unloading, keeping, collecting, processing or to deal with any fish or any other types of dealing unless he is the holder of a permit issued under rule 5.

Application for permit

5. (1) Every application for a permit to enter any fisheries complex or fisheries harbour for the purpose of loading, unloading, keeping, collecting, processing or to deal with any fish or any other types of dealing shall be made in writing to the Director General which contains the following particulars:

- (a) name, identity card number or passport number of the applicant or any other valid identification document;
- (b) address of the applicant;
- (c) the applicant's business name and address, if any;
- (d) purpose for which the permit is required; and
- (e) any other information as the Director General may require,

Provided that, the Director General may, as he deems fit and necessary, issue to any person other than the permit holder, an entry pass to be displayed upon entering any fisheries complex or fisheries harbour for any other purposes.

(2) The permit issued under this rule shall be in such form as may be determined, and subject to such terms and conditions as may be imposed by the Director General and shall be valid for the period stated therein.

(3) The fee payable in respect of the permit issued under this rule shall be as prescribed in the First Schedule.

Prohibition of erecting structure, etc.

6. No person shall make any alteration, erect any structure or place any obstruction to any part of a fisheries complex or fisheries harbour without written permission from the Director General.

Prohibition on loitering, fishing, etc.

7. No person shall—

- (a) loiter, swim or fish within any fisheries complex or fisheries harbour;
- (b) repair or construct any fishing net or fishing gear on the jetty or at any other places in any fisheries complex or fisheries harbour; or
- (c) supply fuel, ice, provisions, services, or conduct any business in any fisheries complex or fisheries harbour,

without written permission from the Director General.

PART III**FISHERIES LANDING JETTY****Fisheries landing jetty**

8. (1) Any person operating any private fisheries landing jetty shall obtain consent of the Lembaga and the Lembaga may, by notification in the *Gazette* declare such private fisheries landing jetty as a fisheries landing jetty under these Rules.

(2) Any application to obtain consent of the Lembaga as mentioned in subrule (1) shall be made in writing pursuant to the procedure which may be determined by the Lembaga.

Fish handling procedure at fisheries landing jetty

9. (1) Any fisheries landing jetty shall comply with any fish handling procedure as may be determined by the Lembaga.

(2) Any fisheries landing jetty, from which fish or fish product is supplied for export, shall comply with the importing country's requirements.

PART IV**CHARGE****Charges on vehicles upon entering fisheries complex or fisheries harbour**

10. Any person or holder of a permit or an entry pass issued under rule 5 shall pay a vehicle charge upon entering any fisheries complex or fisheries harbour as prescribed in Part I of the Second Schedule.

Charges for use of facilities or spaces of fisheries complex or fisheries harbour

11. Any person using any facilities or spaces of any fisheries complex or fisheries harbour shall pay an amount of charges as prescribed in Part II of the Second Schedule.

Service charges on fish which are imported, exported and transferred

12. The Lembaga may impose service charges as prescribed in Part III of the Second Schedule on fishes which are—

- (a) imported or brought in transit from another country into any fisheries complex, fisheries harbour or fisheries landing jetty;
- (b) exported to another country through any fisheries complex, fisheries harbour or fisheries landing jetty; or
- (c) transferred from any fisheries complex, fisheries harbour or fisheries landing jetty unless by a procedure of auction prescribed by the Lembaga.

Service charges for fisheries landing jetty

13. Any person operating a fisheries landing jetty may provide any types of services and impose charges on such services with prior consent of the Director General.

PART V**GENERAL****Restriction on dealing of fish**

14. No person shall be allowed to deal with any fish within any fisheries complex, fisheries harbour or fisheries landing jetty unless that person is the holder of a valid licence issued under the Fish Marketing Regulations 2010 [P.U. (A) 104].

Compliance with the directive of Director General

15. Any person operating or using any fisheries complex, fisheries harbour or fisheries landing jetty shall observe all directives by the Director General.

Exemption

16. The Lembaga may exempt any person from all or any of the provisions of these Rules.

General offences

17. Any person who fails to comply with any provisions of these Rules commits an offence under the Act.

Revocation, transitional and saving

18. (1) The Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Fisheries Complexes and Harbours) Rules 1986 [*P.U. (A) 79/1986*] is revoked (“the revoked Rules”).

(2) All licences, permits, rules, regulations, orders, notices, forms, directions, authorization letters, declarations and exemptions made, issued or given under the revoked Rules shall, in so far as the licences, permits, rules, regulations, orders, notices, forms, directions, authorization letters, declarations and exemptions are consistent with these Rules, continue in force until revoked or replaced by these Rules.

(3) Any private fisheries landing jetty other than those declared by the Lembaga in the Declaration of Fisheries Landing Jetty [*P.U. (B) 172*], which had started operating before the coming into operation of these Rules may continue be in operation and is exempted from any of the provisions of these Rules until a date which shall be appointed by the Lembaga by notification in the *Gazette*.

FIRST SCHEDULE

(Rule 5)

FEE

<i>Description</i>	<i>Amount of fee</i>
Fee for the permit to enter any fisheries complex or fisheries harbour for any person who engages in loading, unloading, keeping, collecting, processing or to deal with any fish or any other types of dealing	RM5.00 per year

SECOND SCHEDULE

(Rules 10, 11 and 12)

CHARGE

PART I

CHARGES ON VEHICLES UPON ENTERING FISHERIES COMPLEX OR FISHERIES HARBOUR

(a) Charge on vehicle per entry for the use of space at the fisheries complex or fisheries harbour not more than eight hours:

<i>Types of vehicles</i>	<i>Charge</i>
(i) Car, van, <i>station-wagon</i> , motorcycle with side-carriage or pick-up (not exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM1.00

<i>Types of vehicles</i>	<i>Charge</i>
(ii) Lorry, bus or truck (exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM2.00
(iii) Motorcycle	RM0.50
(iv) Container tractor (with or without a trailer or mobile crane)	RM10.00

(b) Charge on vehicle for the use of space at the fisheries complex or fisheries harbour for overnight purposes:

<i>Types of vehicles</i>	<i>Charge</i>
(i) Car, van, <i>station-wagon</i> , motorcycle with side-carriage or pick-up (not exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM5.00 per night
(ii) Lorry, bus or truck (exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM10.00 per night
(iii) Motorcycle	RM1.50 per night

(c) Charge on vehicle per month for the use of space at the fisheries complex or fisheries harbour:

<i>Types of vehicles</i>	<i>Charge</i>
(i) Car, van, <i>station-wagon</i> , motorcycle with side-carriage or pick-up (not exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM15.00
(ii) Lorry, bus or truck (exceeding unladen weight of 1,500 kg)	RM30.00
(iii) Motorcycle	RM5.00

PART II

CHARGE FOR THE USAGE OF FACILITIES OR SPACES OF THE FISHERIES COMPLEX OR FISHERIES HARBOUR

<i>Facilities/spaces</i>	<i>Charge</i>
(a) Cold room	by tender or negotiation or fixed rent as determined by the Lembaga
(b) Marketing hall	RM54.00 for one square meter per month
(c) Dealers office:	
(i) concrete structure	RM22.00 for one square meter per month
(ii) wooden structure	flat rate of RM100.00 for one unit per month
(d) Shed:	
(i) processing	by tender or negotiation or fixed rent as determined by the Lembaga
(ii) net mending	<ul style="list-style-type: none"> – up to 3 days after permit has been issued, at the rate of RM1.00 for one square meter per day – from 4 to 15 days after permit has been issued, at the rate of RM3.00 for one square meter per day – from 16 to 30 days after permit has been issued, at the rate of RM5.00 for one square meter per day

<i>Description</i>	<i>Service charge</i>
(ii) A container or any other receptacle containing more than 50 kg but less than 100 kg of fish	RM10.00 per container
(iii) A container or any other receptacle containing more than 100 kg of fish	calculated at the rate of RM0.10 per kilogram of fish
<i>(b) Service charge on exported fish:</i>	
<i>Description</i>	<i>Service charge</i>
(i) A container or any other receptacle containing not more than 50 kg of fish	RM5.00 per container
(ii) A container or any other receptacle containing more than 50 kg but less than 100 kg of fish	RM10.00 per container
(iii) A container or any other receptacle containing more than 100 kg of fish	calculated at the rate of RM0.10 per kilogram of fish
<i>(c) Service charge on transferred fish, unless by a procedure of auction:</i>	
<i>Description</i>	<i>Service charge</i>
(i) A container or any other receptacle containing not more than 50 kg of fish	RM0.50 per container
(ii) A container or any other receptacle containing more than 50 kg but less than 100 kg of fish	RM1.00 per container
(iii) A container or any other receptacle containing more than 100 kg of fish	calculated at the rate of RM0.10 per kilogram of fish

Made 6 April 2010
[KP/LA/483/4 Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Chairman
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Approved 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry

P.U. (A) 104.

AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971

PERATURAN-PERATURAN PEMASARAN IKAN 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) dan seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 9 April 2010.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*];

“amalan pengendalian ikan yang baik” ertinya amalan pengendalian ikan yang baik sepanjang rantaian bekalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“eksport” ertinya membawa keluar atau menyebabkan dibawa keluar apa-apa ikan dari Malaysia;

“ikan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta;

“ikan tidak selamat dimakan” ertinya ikan yang semulajadi beracun, terdedah kepada racun atau diracun;

“import” ertinya membawa masuk atau menyebabkan dibawa masuk apa-apa ikan ke dalam Malaysia;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta;

“pelelong” ertinya mana-mana orang yang didaftarkan sebagai pelelong berdaftar di bawah peraturan 14, atau Lembaga sebagai pelelong tunggal;

“pemborong” ertinya mana-mana orang yang berurus niaga ikan secara pukal atau berurus niaga ikan dengan peniaga lain;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang dikeluarkan kepadanya suatu lesen menurut peraturan-peraturan 4, 5 dan 6;

“pemprosesan ikan” ertinya apa-apa proses yang melibatkan apa-apa aktiviti berkaitan ikan termasuklah untuk membeku, mengetin, memasak, menyalai atau membakar, menjeruk, mengering, menggaram, memotong, mengawet atau menyediakan ikan untuk diproses dalam apa-apa cara;

“peruncit” ertinya mana-mana orang yang menjual ikan kepada pengguna akhir;

“tempat keluar atau masuk yang sah” ertinya mana-mana tempat yang ditetapkan melalui *Warta* oleh Lembaga bagi tujuan import atau eksport ikan;

“urusniaga” ertinya membeli, menjual secara borong, lelong atau runcit, mengirim, mengangkut, menawarkan, atau mendedahkan atau menyimpan untuk jualan, dibungkus untuk kiriman atau simpanan untuk jualan, atau menyebabkan ia dibungkus untuk kiriman atau simpanan.

Tempat pemasaran ikan

3. (1) Lembaga boleh, menetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* mana-mana tempat sebagai suatu pasar jualan borong atau pasar jualan runcit.

(2) Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana tempat selain tempat pemasaran ikan di bawah subperaturan (1) hendaklah membuat permohonan dengan Lembaga untuk mendaftar tempat tersebut sebagai premis jualan borong atau premis jualan runcit.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) adalah melakukan kesalahan di bawah Akta.

(4) Bagi maksud peraturan ini, perkataan “tempat” termasuklah mana-mana pangkalan mendarat dari laut atau perairan daratan, jeti, kenderaan, vesel, ruang terbuka atau ruang tertutup, bangunan atau mana-mana bahagian daripada bangunan.

Kawalan urusniaga

4. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun boleh berurus niaga apa-apa ikan tanpa lesen melainkan—

(a) di pasar jualan borong atau pasar jualan runcit yang diwartakan di bawah subperaturan 3(1); atau

(b) di premis jualan borong atau premis jualan runcit yang didaftarkan di bawah subperaturan 3(2).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau melanggar apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Kawalan pengimportan dan pengeksporan ikan

5. (1) Tiada seorang pun boleh mengekspor atau mengimport apa-apa ikan tanpa lesen.

(2) Apa-apa ikan yang hendak diekspor atau diimport hendaklah melalui tempat keluar atau masuk yang sah.

(3) Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak diekspor atau diimport.

(4) Mana-mana orang yang mengekspor atau mengimport apa-apa ikan hendaklah mematuhi kehendak negara pengimport.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau melanggar apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Kawalan pemprosesan ikan

6. (1) Tiada seorang pun boleh memproses ikan tanpa lesen.

(2) Mana-mana pemprosesan ikan hendaklah dijalankan di tempat atau premis sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang memproses ikan hendaklah mematuhi apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau melanggar apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Mempamerkan lesen

7. (1) Mana-mana pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen di suatu tempat yang mudah dilihat di premis berdaftaranya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Kawalan kualiti ikan

8. Mana-mana ikan yang diproses, diurusniaga, diekspor atau diimport hendaklah mematuhi piawaian kualiti dan amalan pengendalian ikan yang baik sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

Amalan pengendalian ikan yang baik

9. Mana-mana orang yang berurusniaga atau mengendalikan ikan hendaklah mematuhi amalan pengendalian ikan yang baik sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

Pelesenan

10. (1) Suatu permohonan bagi pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen dalam peraturan 4, 5 dan 6 hendaklah dibuat mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah subperaturan (1) adalah sah bagi tempoh satu tahun daripada tarikh lesen itu dikeluarkan dan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh menetapkan apa-apa fi bagi tujuan pengeluaran lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Mana-mana lesen yang dikeluarkan bolehlah mengandungi apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga.

Penggantungan dan pembatalan lesen

11. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana lesen pemegang lesen atas apa-apa alasan yang difikirkannya munasabah.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), Lembaga boleh membatalkan mana-mana lesen pemegang lesen jika pemegang lesen itu melanggar atau tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini.

(3) Lembaga tidak boleh membatalkan mana-mana lesen pemegang lesen melainkan pemegang lesen itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam suatu tempoh yang ditentukan oleh Lembaga untuk menunjukkan sebab, mengapa lesen yang dipegang olehnya tidak patut dibatalkan.

(4) Jika Lembaga berpuas hati bahawa tiada sebab yang munasabah wujud dan pemegang lesen itu telah didapati melanggar atau tidak mematuhi Peraturan-Peraturan ini, maka Lembaga bolehlah membatalkan lesen itu.

Kaedah jualan ikan

12. (1) Apa-apa ikan tidak boleh dijual dalam mana-mana pasar jualan borong yang diwartakan di bawah subperaturan 3(1) melainkan dengan cara lelong, perjanjian persendirian atau dengan apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Jika jualan adalah dengan cara lelong, peraturan 14 hingga 17 hendaklah dipakai.

Pelelong tunggal dan pelelong berdaftar

13. (1) Mana-mana orang yang menjalankan lelongan hendaklah berdaftar sebagai pelelong dan dilantik oleh Lembaga di bawah peraturan ini.

(2) Lembaga boleh mengenakan apa-apa fi bagi tujuan pendaftaran di bawah peraturan ini.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh mengisytiharkan dirinya sebagai pelelong tunggal.

Acara lelong

14. (1) Tertakluk kepada subperaturan (4), apa-apa ikan yang dilelong hendaklah dijual kepada pembida yang tertinggi.

(2) Jika bidaan tertinggi dibuat oleh dua orang atau lebih, pelelong hendaklah menawarkan kepada orang yang pertama membuat bidaan tertinggi itu.

(3) Jika harga bidaan yang dicapai lebih rendah daripada harga lantai yang ditetapkan, pelelong hendaklah mengisytiharkan ikan itu sebagai tidak dijual.

(4) Jika pengisytiharan dibuat bahawa ikan itu tidak terjual menurut subperaturan (3), pelelong hendaklah membayar kepada tuan punya ikan suatu harga yang tidak kurang daripada harga lantai yang ditetapkan.

(5) Lembaga boleh menentukan apa-apa kadar komisen yang kena dibayar kepada pelelong.

Pembatalan jualan dalam suatu acara lelong

15. (1) Lembaga boleh membatalkan mana-mana acara lelong dan mengisytiharkan jualan ikan itu sebagai tidak sah jika dijalankan dengan cara yang tidak mengikut kaedah yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Jika sekiranya sesuatu jualan ikan dibatalkan oleh Lembaga, Lembaga boleh—

(a) mengarahkan pelelong untuk melelong semula ikan itu; atau

(b) dengan sendiri melelong semula ikan itu.

Menimbang ikan

16. Timbangan ikan hendaklah di dalam unit metrik dan alat penimbang yang digunakan hendaklah yang diluluskan oleh Lembaga.

Permit membawa ikan, dsb.

17. (1) Tiada seorang pun boleh membawa, mengangkut, memindah, mengirim atau mengedar ikan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain tanpa suatu permit sah yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi orang yang dikecualikan di bawah subperaturan 24(2).

(3) Permit yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) jenis ikan;
- (b) kuantiti ikan yang dibawa;
- (c) tempat ikan itu diperoleh;
- (d) tempat ikan akan dibawa; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang Lembaga boleh minta untuk dikemukakan.

Waktu urusaniaga

18. Apa-apa urusaniaga ikan di pasar jualan borong ikan hanya boleh dilakukan dalam waktu yang ditentukan oleh Lembaga.

Membungkus ikan

19. Lembaga boleh menghendaki apa-apa ikan yang hendak dieksport, diimport, diproses, diurusniaga atau dipindahkan ke mana-mana tempat hendaklah dibungkus dalam bekas yang ditetapkan oleh Lembaga.

Penggredan

20. (1) Lembaga boleh menghendaki apa-apa ikan itu digred mengikut—

- (a) jenis;
- (b) saiz; dan
- (c) tahap kesegaran.

(2) Bagi maksud perenggan 1(c), tahap kesegaran ikan itu hendaklah mengikut piawaian yang ditentukan oleh Lembaga.

Pengeluaran penyata urusaniaga ikan

21. (1) Lembaga boleh menghendaki mana-mana pemegang lesen mengeluarkan—

- (a) apa-apa penyata urusaniaga kepada mana-mana penjual atau pembekal ikan; dan

(b) invois jualan atau apa-apa penyata kepada mana-mana pembeli termasuk pengguna akhir.

(2) Mana-mana pemborong, peruncit, pelelong atau mana-mana orang yang terlibat dalam memproses ikan hendaklah menyimpan suatu rekod urusanniaga ikan yang mengandungi maklumat mengenai tarikh urusanniaga, nilai urusanniaga, jenis ikan dan kuantiti ikan.

Maklumat palsu

22. Mana-mana orang yang membuat atau mengemukakan apa-apa maklumat palsu atau mengelirukan, secara lisan atau bertulis bagi apa-apa tujuan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Larangan urusanniaga ikan yang tidak selamat

23. (1) Tiada seorang pun boleh berurusanniaga, memproses, mengeksport atau mengimport ikan yang tidak selamat dimakan oleh manusia tanpa kebenaran bertulis daripada Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Pengecualian

24. (1) Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai kepada mana-mana orang yang membeli ikan tidak lebih daripada dua puluh kilogram ikan bagi kegunaan sendiri.

(2) Lembaga boleh mengecualikan mana-mana orang yang terlibat dalam memproses ikan, pengeksport ikan, pengimport ikan, peniaga ikan atau mana-mana orang daripada kehendak peraturan 4, 5 dan 6.

(3) Bagi maksud memberikan pengecualian, Lembaga boleh meminta mana-mana orang yang dikecualikan di bawah subperaturan (2) memberi apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu.

(4) Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan ini, Lembaga bolehlah berurusanniaga apa-apa ikan tanpa lesen dengan apa-apa cara sama ada di pasar jualan borong, pasar jualan runcit atau di tempat-tempat lain.

Pembatalan, peralihan dan kecualian

25. (1) Peraturan-Peraturan Pemasaran Ikan 1973 [*P.U. (A) 381/1973*] dibatalkan (“Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”).

(2) Mana-mana lesen yang dikeluarkan atau diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, setakat mana-mana lesen itu selaras dengan Peraturan-Peraturan ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh Peraturan-Peraturan ini.

(3) Jika pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, apa-apa tindakan atau prosiding belum selesai di hadapan Lembaga, peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang terpakai bagi tindakan atau prosiding itu hendaklah terus terpakai seolah-olah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan tidak dibatalkan oleh Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

(Peraturan 8 dan 9)

AMALAN PENGENDALIAN IKAN YANG BAIK

Memunggah dan menurunkan ikan

1. Mana-mana orang yang terlibat dalam memunggah atau menurunkan ikan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa kelengkapan memunggah dan menurunkan yang bersentuhan dengan ikan dibina daripada bahan yang mudah ducuci dan dinyahjangkitkan, dan dikekalkan dalam keadaan baik;
- (b) memastikan operasi memunggah dan menurun dilakukan dengan segera;
- (c) meletakkan ikan itu tanpa kelengahan dalam persekitaran yang dilindungi pada suhu yang menghampiri suhu ais yang mencair;
- (d) tidak menggunakan apa-apa kelengkapan dan amalan yang boleh menyebabkan kerosakan pada mana-mana bahagian ikan; dan
- (e) memastikan tiada haiwan yang memasuki premis pengendalian dan urusan ikan.

Pengendalian dan penyimpanan ikan basah atau ikan nyahsejuk beku

2. Mana-mana orang yang mengurusniaga atau mengendalikan ikan basah atau ikan nyahsejuk beku hendaklah—

- (a) menyimpan ikan basah atau ikan nyahsejuk beku dalam ais dengan kelengkapan yang sesuai;
- (b) melakukan pengaisan semula ikan basah dan ikan nyahsejuk beku sekerap mana yang perlu;
- (c) memastikan air yang terhasil daripada ais yang cair di dalam bekas yang digunakan untuk membawa atau menyimpan ikan basah atau ikan nyahsejuk beku yang tidak dibungkus tidak bersentuhan dengan ikan;

- (d) jika ikan basah atau ikan nyahsejuk beku yang dibungkus itu didinginkan, suhu itu menghampiri suhu ais yang mencair; dan
- (e) menyimpan ikan basah atau ikan nyahsejuk beku itu pada suhu yang menghampiri suhu ais yang mencair.

Pengendalian dan penyimpanan ikan sejuk beku

3. Mana-mana orang yang mengurusniaga atau mengendalikan ikan sejuk beku hendaklah—

- (a) menyimpan ikan sejuk beku itu pada suhu di bawah negatif 18°C pada setiap bahagian produk; atau
- (b) jika ikan sejuk beku dalam air garam bertujuan untuk diproses sebagai makanan dalam tin, hendaklah menyimpan ikan sejuk beku itu pada suhu di bawah negatif 9°C.

Pengendalian dan penyimpanan ikan yang diproses

4. (1) Mana-mana orang yang mengurusniaga atau mengendalikan ikan yang diproses hendaklah—

- (a) menyimpan ikan basah yang bertujuan untuk diproses, dalam ais dengan kelengkapan yang sesuai;
- (b) melakukan pengaisan semula ikan basah yang bertujuan untuk diproses sekerap yang perlu;
- (c) menjalankan proses pembuangan kepala dan isi perut ikan dengan bersih dan segera selepas ikan basah ditangkap atau diturunkan, dibasuh dengan air yang bersih, dijalankan dalam persekitaran dan menggunakan kelengkapan yang bersih;
- (d) memastikan air yang terhasil daripada ais yang cair di dalam bekas yang digunakan untuk membawa atau menyimpan ikan yang diproses yang tidak dibungkus tidak bersentuhan dengan ikan;
- (e) jika ikan yang diproses yang dibungkus itu didinginkan, suhu itu menghampiri suhu ais yang mencair; dan
- (f) menyimpan ikan yang diproses itu menurut kehendak di bawah perenggan 3.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), mana-mana orang yang mengendalikan ikan yang diproses untuk dihasilkan sebagai potongan atau hirisan hendaklah—

- (a) menjalankan pembuangan tulang ikan basah dan pemotongan ikan basah untuk potongan dan hirisan mengikut cara yang boleh mengelakkan pencemaran atau kerosakan pada ikan itu; dan
- (b) memastikan potongan dan hirisan ikan basah itu dibalut dan jika perlu, dibungkus dan didinginkan dengan segera selepas penyediaannya.

Pengendalian dan penyimpanan ikan hidup

5. Mana-mana orang yang berurusanniaga atau mengendalikan ikan hidup hendaklah menyimpan ikan hidup itu pada suhu dan cara yang tidak akan memudaratkan nyawanya.

Pengangkutan ikan

6. Mana-mana orang yang mengangkut ikan hendaklah memastikan—
- (a) ikan basah, ikan nyahsejuk beku dan ikan yang proses dikekalkan pada suhu yang menghampiri titik cair ais;
 - (b) ikan sejuk beku disimpan pada suhu di bawah negatif 18°C;
 - (c) ikan sejuk beku dalam air garam bagi tujuan proses sebagai makanan dalam tin disimpan pada suhu di bawah negatif 9°C; atau
 - (d) ikan hidup disimpan pada suhu dan cara yang tidak memudaratkan nyawanya.

Penjualan ikan

7. Mana-mana orang yang menjual ikan hendaklah memastikan bahawa—
- (a) semua ikan basah yang disimpan, dipamer atau didedah untuk penjualan, disimpan pada suhu di antara negatif 1°C hingga 10°C; dan
 - (b) semua ikan selain ikan basah dalam subperenggan 7(a), yang disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk penjualan, disimpan pada suhu di bawah negatif 18°C.

Dibuat 6 April 2010
[KP/LA/483/4 Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Diluluskan 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ACT 1971

FISH MARKETING REGULATIONS 2010

In exercise of the powers conferred by subsection 4(2) and section 23 of the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 [Act 49], the Lembaga with the approval of the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Fish Marketing Regulations 2010**.

(2) These Regulations come into operation on 9 April 2010.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 [*Act 49*];

“auctioneer” means any person registered as a registered auctioneer under regulation 14, or the Lembaga itself as a sole auctioneer;

“dealings” means to purchase, to sell by wholesale, auction or retail, to consign, to transport, to offer, or to expose or keep for sale, packed for consignment or keep for sale, or cause to be packed for consignment or for keeping;

“export” means to take or cause to be taken any fish from Malaysia;

“fish” has the meaning assigned to it in the Act;

“fish processing” means any process involving any activities relating to fish which includes to freeze, to can, to cook, to grill or to smoke, to pickle, to dry, to put salt, to cut, to preserve or to prepare fish to be processed in any manner;

“fish unsafe to be consumed” means fish which is poisonous by nature, exposed to poison or poisoned;

“good fish handling practices” means good fish handling practices along the supply chain as specified in the Schedule;

“holder of a licence” means any person issued with a licence pursuant to regulations 4, 5 and 6;

“import” means to bring or cause to be brought any fish into Malaysia;

“legal entry or exit point” means any place as specified in the *Gazette* by the Lembaga for the purpose of import and export of fish;

“Lembaga” means Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia established under section 3 of the Act;

“retailer” means any person selling fish to the end user;

“wholesaler” means any person dealing with fish in bulk or who deals with other traders.

Fish marketing place

3. (1) The Lembaga may, by notification in the *Gazette* specify any place as a wholesale fish market or a retail fish market.

(2) Any person who operates any place other than fish marketing place under subregulation (1) shall make an application with the Lembaga to register the place as a wholesale fish premise or a retail fish premise.

(3) Any person who contravenes subregulation (2) shall be guilty of an offence under the Act.

(4) For the purpose of this regulation, the term “place” includes any landing point from the sea or inland water, a jetty, a vehicle, a vessel, an open or enclosed area, a building or part of a building.

Control of dealings

4. (1) No person shall have any fish dealings without licence unless—

(a) at a wholesale fish market or a retail fish market which has been gazetted under subregulation 3(1); or

(b) at a wholesale fish premise or a retail fish premise which has been registered under subregulation 3(2).

(2) Any person who contravenes subregulation (1) or in breach of any terms and conditions as specified in the licence issued by the Lembaga shall be guilty of an offence under the Act.

Control of exportation and importation of fish

5. (1) No person shall import or export any fish without licence.

(2) Any fish to be exported or imported shall pass through a legal entry or exit.

(3) The Lembaga may specify the quality, quantity and type of fish to be exported or imported.

(4) Any person who exports or imports any fish shall comply with the importing country requirements.

(5) Any person who exports or imports any fish without a licence or in breach of any terms and conditions in the licence issued by the Lembaga shall be guilty of an offence under the Act.

Control of fish processing

6. (1) No person shall process any fish without license.

(2) Any fish processing shall be carried out at a place or premise as prescribed by the Lembaga.

(3) Any person processing any fish shall comply with any rules as prescribed by the Lembaga.

(4) Any person who contravenes subregulation (1) or in breach of any terms and conditions as specified in the licence issued by the Lembaga shall be guilty of an offence under the Act.

Display of licence

7. (1) Any holder of a licence shall at all time display the licence in a conspicuous place at his registered premise.

(2) Any holder of a licence who contravenes subregulation (1) shall be guilty of an offence under the Act.

Fish quality control

8. Any fish which is processed, dealt with, exported or imported shall comply with the quality standard and good fish handling practices as specified in the Schedule.

Good fish handling practices

9. Any person who deals with, or handles fish shall comply with good fish handling practices as prescribed in the Schedule.

Licensing

10. (1) An application for the issuance or renewal of a licence under regulations 4, 5 and 6 shall be made according to manners as prescribed by the Lembaga.

(2) The licence issued or renewed under subregulation (1) shall be valid for a period of one year from the date of the licence issued and subject to such terms and conditions as prescribed by the Lembaga.

(3) The Lembaga may prescribe any fee for the issuance of licence under these Regulations.

(4) Any licence issued may contain such terms and conditions as prescribed by the Lembaga.

Revocation and suspension of licence

11. (1) The Lembaga may suspend any licence of a holder of a licence on any grounds which it thinks reasonable.

(2) The Lembaga may revoke any licence of a holder of a licence if he has contravened or failed to comply with these Regulations.

(3) The Lembaga shall not revoke any licence of a holder of a licence unless the holder of the licence has been given the opportunity to show cause, within a period determined by the Lembaga to show cause, as to why the licence held by him should not be revoked.

(4) If the Lembaga is satisfied that no reasonable ground exists and such holder of a licence has contravened or failed to comply with these Regulations, the Lembaga may revoke his licence.

Method of fish sale

12. (1) No fish shall be sold in any wholesale market gazetted under subregulation 3(1) except by way of auction, private treaty or by such other methods as prescribed by the Lembaga.

(2) If sale is by auction, regulations 14 to 17 shall apply.

Sole auctioneer and registered auctioneer

13. (1) Any person who carries out an auction shall be registered as an auctioneer and to be appointed by the Lembaga under this regulation.

(2) The Lembaga may impose any fee for the purpose of registration under this regulation.

(3) Notwithstanding subregulation (1), the Lembaga may declare itself to be the sole auctioneer.

Procedure of auction

14. (1) Subject to subregulation (4), any fish for auction shall be sold to the highest bidder.

(2) Where the highest bid is made by two or more persons, the auctioneer shall offer to the first person who made the highest bid.

(3) Where the bidding price reached is lower than the floor price fixed, the auctioneer shall declare the fish as unsold.

(4) Where the fish is declared unsold according to subregulation (3), the auctioneer shall pay the owner of the fish a price not less than the fixed floor price.

(5) The Lembaga may determine any amount of commission to be charged to the auctioneer.

Cancellation of sale at an auction

15. (1) The Lembaga may cancel any auction and declare the sale of the fish as void if it was conducted not in accordance with the method determined by the Lembaga.

(2) If the sale of fish is cancelled by the Lembaga, the Lembaga may—

(a) direct the auctioneer to reauction the fish; or

(b) reauction the fish by itself.

Weighing of fish

16. The fish weighing shall be in matrix unit and the weighing scale used shall be as approved by the Lembaga.

Fish carrying permit, etc.

17. (1) No person shall move, transport, transfer, consign or distribute any fish from one place to another without a valid permit issued by the Lembaga.

(2) Subregulation (1) shall not apply to person exempted under subregulation 24(2).

(3) The permit issued under subregulation (1) shall contain the following particulars—

(a) types of fish;

(b) quantity of fish brought;

(c) place of fish obtained;

(d) place where the fish will be transported to; and

(e) other informations which the Lembaga may request to be submitted.

Dealings time

18. Any fish dealings in the wholesale fish market shall only be made within the specified time as determined by the Lembaga.

Fish packing

19. The Lembaga may require any fish to be exported, imported, dealt with or transported to any place shall be packed in containers as prescribed by the Lembaga.

Grading

20. (1) The Lembaga may require any fish to be graded according to—

- (a) types;
- (b) sizes; and
- (c) degrees of freshness.

(2) For the purpose of paragraph 1(c), the degree of fish freshness shall be in accordance with the standard determine by the Lembaga.

Issuance of fish dealing statement

21. (1) The Lembaga may require any holder of a licence to issue—

- (a) any dealing statement to any fish seller or supplier; and
- (b) any sales invoice or any statement to any buyer.

(2) Any wholesaler, retailer, auctioneer or any person who involves in any fish processing shall keep a fish sale dealing record containing information such as date of dealing, value of dealing, types of fish and quantity of fish.

False information

22. Any person who makes or produce any false and misleading information, orally or written for any purposes under these Regulations shall be guilty of an offence under the Act.

Prohibition on dealing with fish unsafe to be consumed

23. (1) No person shall deal with, process, export or import any fish unsafe to be consumed by human without a written consent from the Lembaga.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) shall be guilty of an offence under the Act.

Exemption

24. (1) These Regulations shall not apply to any person who purchase less than twenty kilograms of fish for their own consumption.

(2) The Lembaga may exempt any person who involves in the fish processing, any fish exporter, fish importer, fishmonger or any person from the requirements of regulations 4, 5 and 6.

(3) For the purpose of giving the exemption, the Lembaga may require any person exempted under subregulation (2) to give any information as it deems necessary.

(4) Notwithstanding any provisions contained in these Regulations, the Lembaga may have any fish dealings without licence in any manner either at a wholesale fish market, retail fish market or any other places.

Revocation, transitional and saving

25. (1) Fish Marketing Regulations 1973 [*P.U. (A) 381/1973*] is revoked (“the revoked Regulations”).

(2) Any licence, issued or given under the revoked Regulations shall, in so far as any of the licence is consistent with these Regulations, continue to be in force until revoked or replaced by these Regulations.

(3) Where on coming into operation of these Regulations, any action or proceeding pending before the Lembaga, the provisions of the revoked Regulations applicable to the action or proceeding shall continue to apply as if the revoked Regulations had not been revoked by these Regulations.

SCHEDULE

(Regulations 8 and 9)

Good Fish Handling Practices

Unloading and landing of fish

1. Any person who involves in unloading or landing of fish shall—
 - (a) ensure that the unloading and landing equipment that comes into contact with fish is constructed of material that is easily cleaned and disinfected, and maintained in a good condition;
 - (b) ensure that the unloading and landing operation is done rapidly;
 - (c) place the fish without delay in a protected environment at the temperature approaching that of melting ice;
 - (d) not use any equipment and apply any practices which may cause unnecessary damage to any parts of the fish; and
 - (e) ensure that no animal is allowed to enter any handling and dealing premises.

Handling and storing of wet fish or thawed fish

2. Any person who deals or handles with wet fish or thawed fish shall—
 - (a) store the wet fish or thawed fish under ice with appropriate equipments;
 - (b) re-icing the wet fish or thawed fish as often as necessary;

- (c) ensure that the water produced from the melted ice in a container used for the carriage or storage of unpacked wet fish or thawed fish is not in contact with the fish;
- (d) ensure that if the packed wet fish or thawed fish is chilled, the temperature approaching that of melting ice; and
- (e) store the wet fish or thawed fish at a temperature approaching that of melting ice.

Handling and storing of frozen fish

- 3. Any person who deals or handles frozen fish shall—
 - (a) store the frozen fish at a temperature below minus 18°C in all parts of the product; or
 - (b) if the frozen fish is in brine intended to be processed as canned food to be stored at a temperature below minus 9°C.

Handling and storing of processed fish

- 4. (1) Any person who deals or handles processed fish shall—
 - (a) store the wet fish intended to be processed under ice with appropriate equipments;
 - (b) re-icing the wet fish intended to be processed as often as necessary;
 - (c) carry out the process of removing of fish head and the gutting of fish as soon as possible after the fish is caught or landed, washed thoroughly with potable water, in a clean environment and using clean equipment;
 - (d) ensure that the water produced from the melted ice in a container used for the carriage or storage of unpacked processed fish is not in contact with the fish;
 - (e) if the packed processed fish is chilled, the temperature approaching that of melting ice; and
 - (f) store the processed fish in accordance with the requirements under paragraph 3.
- (2) Subject to subparagraph (1), any person who handles processed fish to be produced as fillets or slices shall—
 - (a) conduct the removal of the bone of the wet fish and the cutting of wet fish for producing fillet and slices to be in accordance with the manner that may avoid contamination or damaging to the fish; and
 - (b) ensure that the fillets and slices of wet fish is wrapped and where necessary, packed and chilled as soon as possible after its preparation.

Handling and storing of live fish

5. Any person who deals or handles live fish shall store the live fish at a temperature and in a manner that will not affect its living.

Transportation of fish

6. Any person who transports fish shall ensure that—

- (a) wet fish, thawed fish and processed fish are maintained at a temperature approaching that of melting ice;
- (b) frozen fish is stored at a temperature below minus 18°C;
- (c) frozen fish in brine that is intended to be processed as canned food is kept at a temperature below minus 9°C; or
- (d) living fish to be kept at a temperature and in a manner that does not affect of its living.

Sale of fish

7. Any person who sells fish shall ensure that—

- (a) all wet fish stored, displayed or exposed for sale are kept at a temperature between minus 1°C to 10°C; and
- (b) all other fish other than wet fish stored, displayed or exposed for sale are kept at a temperature below minus 18°C.

Made 6 April 2010

[KP/LA/483/4 Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Chairman
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Approved 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry

P.U. (A) 105.**AKTA LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 1971****PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
(PENGIKTIRAFAN TEMPAT PENDARATAN IKAN UNTUK EKSPORT IKAN
KE KESATUAN EROPAH) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini hendaklah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan untuk Eksport Ikan ke Kesatuan Eropah) 2010**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“kehendak Kesatuan Eropah” ertinya apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah yang berhubungan dengan kawalan tempat pendaratan ikan;

“sijil pengiktirafan” ertinya sijil pengiktirafan tempat pendaratan ikan bagi mematuhi kehendak Kesatuan Eropah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah peraturan 5;

“tempat pendaratan ikan” ertinya kompleks perikanan, labuhan perikanan atau jeti pendaratan ikan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan) 2010.

Pematuhan kehendak Kesatuan Eropah

3. Mana-mana orang yang mengendalikan tempat pendaratan ikan yang darinya ikan atau produk ikan dibekalkan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi pengeluaran keluaran ikan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah hendaklah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

Permohonan untuk pengiktirafan

4. Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana tempat pendaratan ikan yang darinya ikan atau keluaran ikan dibekalkan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi pengeluaran keluaran ikan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah, hendaklah memohon secara bertulis bagi mendapatkan suatu sijil pengiktirafan daripada Lembaga.

Pengeluaran sijil pengiktirafan

5. (1) Lembaga boleh, selepas menimbangkan suatu permohonan bagi suatu sijil di bawah peraturan 4 dan setelah berpuas hati bahawa pengendali tempat pendaratan ikan itu telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah, mengeluarkan suatu sijil pengiktirafan.

(2) Sijil pengiktirafan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini adalah sah bagi tempoh satu tahun dari tarikh sijil itu dikeluarkan dan boleh diperbaharui dari semasa ke semasa.

Pembatalan sijil pengiktirafan

6. Lembaga boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil pengiktirafan jika orang yang mengendalikan tempat pendaratan ikan itu yang kepadanya sijil pengiktirafan itu telah dikeluarkan melanggar mana-mana kehendak Kesatuan Eropah.

Usaha wajar

7. Mana-mana orang yang mengendalikan tempat pendaratan ikan dan yang terlibat dalam pengendalian apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan mana-mana tempat pendaratan ikan yang darinya ikan atau keluaran ikan dibekalkan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi pengeluaran keluaran ikan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah hendaklah menjalankan usaha yang sewajarnya bagi memastikan kehendak Kesatuan Eropah itu dipatuhi pada setiap masa.

Pegawai yang diberi kuasa

8. Pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 11 Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 hendaklah mempunyai kuasa mengawal mana-mana tempat pendaratan ikan sebagaimana yang ditetapkan dalam kehendak Kesatuan Eropah.

Bekalan ikan atau keluaran ikan dari tempat pendaratan ikan yang diiktiraf

9. Mana-mana pengeksport ikan atau keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah mendapatkan bekalan ikan atau keluaran ikannya dari tempat pendaratan ikan yang mempunyai sijil pengiktirafan yang sah.

Dibuat 6 April 2010
[KP/LA/483/4/Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Diluluskan 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA ACT 1971

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (RECOGNITION OF FISH LANDING
SITE FOR FISH EXPORT TO THE EUROPEAN UNION) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 23 of the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 [Act 49], the Lembaga, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Recognition of Fish Landing Site for Fish Export to the European Union) Regulations 2010**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“European Union requirements” means any requirement imposed by the European Union relating to control of fish landing site;

“certificate of recognition” means the certificate of recognition for landing site in compliance of the European Union requirements by Lembaga, under regulation 5;

“fish landing site” means the fisheries complexes, fisheries harbours and fisheries landing jetties prescribed under the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Fisheries Complexes, Fisheries Harbours and Fisheries Landing Jetties) Rules 2010.

Compliance with European Union requirements

3. Any person who operates any fish landing site, from which any fish or fish product is supplied to be exported to the European Union or from which any fish is supplied for production of fish product to be exported to the European Union, shall comply with the European Union requirements.

Application for recognition

4. Any person, who operates any fish landing site from which any fish or fish product is supplied to be exported to the European Union or from which any fish is supplied for production of fish product to be exported to the European Union, shall apply in writing for a certificate of recognition from the Lembaga.

Issuance of certificate of recognition

5. (1) The Lembaga may, after considering an application for a certificate of recognition under regulation 4 and after being satisfied that the operator of such fish landing site has complied with the European Union requirements, issue a certificate of recognition.

(2) The certificate of recognition issued under this regulation shall be valid for a period of one year from the date of its issuance and may be renewed from time to time.

Revocation of certificate of recognition

6. The Lembaga may at any time revoke the certificate of recognition if the person who operates the fish landing site to whom the certificate of recognition issued contravenes any of the European Union requirements.

Due diligence

7. Any person who operates fish landing site and who engages in the operation of any activity relating to any fish landing site from which any fish or fish product is supplied to be exported to the European Union or from which any fish is supplied for production of fish product to be exported to the European Union, shall exercise due diligence to ensure that the European Union requirements are complied with at all times.

Power of authorized officer

8. An authorized officer under section 11 of the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Act 1971 shall have the power to control any fish landing site as prescribed in the European Union requirements.

Supply of fish or fish product from recognized fish landing site

9. Any exporter of fish or fish product to the European Union shall obtain its supply of fish or fish product from fish landing site which has a valid certificate.

Made 6 April 2010
[KP/LA/483/4/ Jld. 5; PN(PU²)96/VII]

DATUK HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI ISMAIL
Chairman
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Approved 6 April 2010

DATUK SERI NOH BIN OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA